



Headline: 3 helah 'scammer' minta dedah perbankan internet  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 24 April 2021

Language: Bahasa Malaysia  
Section: Nasional  
Page: 18

# 3 helah 'scammer' minta dedah perbankan internet

**SKMM minta pengguna waspada terima WhatsApp, SMS pesanan pihak bank**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Faris Fuad  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) mengenal pasti tiga helah dan penipuan dilakukan 'scammer' untuk memperdaya orang ramai supaya menyerahkan dokumen peribadi perbankan internet mereka.

SKMM dalam satu kenyataan semalam, memaklumkan modus operandi digunakan dengan menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) atau aplikasi seperti WhatsApp menyerupai pesanan daripada pihak bank kepada pengguna secara rambang.

Menerusi pesanan ringkas melalui telefon itu, pengguna dimaklumkan berlaku transaksi kewangan mencurigakan atau wujud keperluan supaya pengguna mengesahkan, mengemas kini atau mengaktifkan semula akaun perbankan internet.

Pengguna seterusnya diminta melayari pautan laman sesawang palsu, yang mana mereka perlu memasukkan nama pengguna dan kata laluan akaun perbankan internet.

Malah, paparan di laman sesawang palsu itu akan kelihatan menyerupai laman sesawang perbankan internet sebenar, tetapi pautan URL pada laman terbabit mempunyai perbezaan dan variasi dari segi nama, huruf dan ejaan.

Selain itu, pengguna juga diminta menghubungi talian hotline palsu, iaitu pengguna akan berhubung dengan scammer yang menyamar sebagai pegawai bank atau pihak berkuasa.

Melalui interaksi itu, pengguna diminta melayari laman sesawang palsu dengan perlu memasukkan nama dan kata laluan perbankan internet, termasuk nombor TAC dan OTP kepada mana-mana pihak melalui

selain diminta memuat turun dan memasang aplikasi palsu dalam bentuk fail 'APK' yang memerlukan mereka memasukkan nama pengguna dan kata laluan akaun perbankan internet.

Kombinasi dan variasi helah serta modus operandi sama turut digunakan scammer untuk memperdaya dan memperoleh nombor TAC atau One-Time PIN (OTP) daripada pengguna.

Sehubungan itu, SKMM mengingatkan pengguna supaya sentiasa berwaspada apabila menerima SMS atau mana-mana aplikasi pesanan ringkas yang menyerupai pesanan daripada pihak bank.

"Jangan layari dan memberi maklumat perbankan di mana-mana laman sesawang dengan alamat URL yang mempunyai perbezaan dan variasi dari segi nama, huruf serta ejaan, berbanding laman perbankan internet sebenar."

"Selain itu, jangan sesekali menyerahkan nama dan kata laluan perbankan internet, termasuk nombor TAC dan OTP kepada mana-mana pihak melalui

SMS atau mana-mana aplikasi pesanan ringkas atau kaedah lain," katanya.

Pengguna juga boleh menyalurkan maklumat dan membuat aduan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) CCID Scam Response Centre di talian 03-26101559 dan 03-26101599 atau SKMM melalui pautan <https://aduan.skmm.gov.my>, selain emel kepada [aduan.skmm@mcmc.gov.my](mailto:aduan.skmm@mcmc.gov.my) atau menerusi aplikasi WhatsApp di nombor 016-2206262.

Sementara itu, Pengurus SKMM, Dr Fadhlullah Suhaimi Abdul Malek, berkata pengguna media sosial diingatkan tidak menyebarkan video kegiatan judi bertemakan sambutan Aidilfitri yang dikhawatir mengugat keselamatan dan ketenteraman awam.

Katanya, pihaknya bersama PDRM sedang memantau perkara itu dan tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mereka yang masih berdegil menularkan video itu.

"Jika video itu ditularkan melalui media sosial, mereka boleh dikenakan tindakan undang-

‘Pengguna media sosial diingatkan tidak menyebarkan video kegiatan judi bertemakan sambutan Aidilfitri yang dikhawatir mengugat keselamatan, ketenteraman awam’

Fadhlullah Suhaimi  
Abdul Malek,  
Pengerusi  
SKMM



undang. Bukan hanya SKMM pantau perkara ini, tetapi ia termasuk penguatkuasaan daripada PDRM," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, polis dilaporkan sedang mencari lelaki dikenali Jonathan Tan Tee Hoe berusia 34 tahun bagi membantu siasatan berkaitan video perjudian bertemakan Aidilfitri yang tular di media sosial, baru-baru ini.

Sebelum ini, media melaporkan 25 individu termasuk penerbit, pelakon dan kru produksi ditahan kerana disyaki terbabit pembikinan empat video mempromosikan judi dalam talian.

Daripada jumlah itu, 12 individu masih direman untuk siasatan, manakala selebihnya dibebaskan dengan jaminan polis.